

**TEKS UCAPAN ALUAN
YB DATUK DR. EWON EBIN
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
MALAYSIA**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH INOVASI NEGARA
DI PUSAT KONVENSYEN KUALA LUMPUR (KLCC)**

**23 MEI 2015 (SABTU)
8.00 MALAM**

Terima kasih Pengerusi Majlis

**Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd
Yassin**

Timbalan Perdana Menteri dan
Menteri Pendidikan Malaysia

Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah

Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Madinah binti Mohamad

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia,
dan suami

Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur

Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi

Dif-dif Kehormat , Tan Sri- Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato',
Datin-Datin

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

[Salutasi akan dimuktamadkan berdasarkan pengesahan kehadiran ke
Majlis ini]

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang kepada hadirin sekalian khususnya kepada tetamu kehormat kita, Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan Malaysia ke **Majlis Anugerah Inovasi Negara 2015 atau singkatannya AIN 2015**. Kehadiran Yang Amat Berhormat Tan Sri pada malam ini, di sebalik jadual yang ketat, membuktikan sokongan yang padu dan keprihatinan yang tinggi dalam menjayakan **agenda sains, teknologi dan inovasi (STI)** negara.
2. Malam ini merupakan detik yang bersejarah buat kumpulan akademik, penyelidik dan industri negara kerana mereka bakal diangkat dan diberi pengiktirafan sebagai minda-minda yang cemerlang dari segi penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R,D&C).
3. Hadirin yang telah hadir pada majlis anugerah ini pada tahun lalu tentu masih ingat bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga telah hadir bersama-sama kita pada majlis tersebut. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau di atas kesudian beliau untuk sekali lagi hadir bagi menyempurnakan Majlis AIN 2015 pada malam ini.
4. Majlis tahunan anjuran MOSTI ini dianjurkan secara *back-to-back* dengan **Persidangan dan Pameran Inovasi Kebangsaan (NICE) 2015**.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat Tan Sri, sebanyak **74 pempamer** mewakili sektor awam dan industri telah mempamerkan **produk** dan **perkhidmatan** hasil kaji selidik dan ciptaan masing-masing. Pada masa yang sama, **persidangan dan bengkel berkaitan STI** yang melibatkan penceramah dalam dan luar negeri turut diadakan sepanjang tiga hari.

5. Seperti yang hadirin sedia maklum, **Yang Amat Berhormat Perdana Menteri** pada **21 Mei 2015** telah membentangkan **Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)** di Parlimen. Sehubungan dengan itu, pada NICE 2015 ini, MOSTI telah membuat pembaharuan dengan mengadakan forum khas bertajuk “**11th Malaysia Plan: STI Way Forward**” bagi mengupas hala tuju dan perspektif STI dalam RMKe-11. Forum ini telah mencetus jalinan idea dan kerjasama serta persediaan awal untuk melaksanakan program/projek berkaitan STI yang berimpak tinggi malahan memastikan perspektif STI diambil kira dalam pelaksanaan semua projek RMKe-11.

6. Pada tahun ini MOSTI dan Malaysian Innovation and Design Society (MINDS) telah bekerjasama mempromosi dan menganjurkan **National Innovation Conference and Exhibition (NICE)** dan **International Invention and Innovation Exhibition (ITEX)** pada tarikh dan lokasi yang sama, justeru menawarkan kepada pengunjung,

pameran STI bersepadu dengan jumlah **1035 penyertaan pempamer** kesemuanya.

7. Untuk makluman hadirin yang dihormati, tema NICE 2015 pada kali ini iaitu ***Beyond Innovation*** adalah bertepatan dengan misi MOSTI untuk memperkasakan STI dalam pembangunan negara ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020 dan seterusnya.

8. Tahun ini merupakan tahun kesembilan (9) iaitu sejak 2007 MOSTI memberikan pengiktirafan melalui AIN dalam empat (4) kategori yang dipertandingkan, iaitu:

- i) kategori produk;
- ii) kategori perkhidmatan;
- iii) kategori akar umbi; dan
- iv) kategori sekolah.

9. **Berbanding dengan tahun 2014, AIN 2015 telah menerima penyertaan yang menggalakkan daripada pereka cipta di pelbagai peringkat. Ini terbukti dengan penerimaan sebanyak 709 penyertaan pada tahun 2015 berbanding dengan hanya 430 penyertaan pada tahun**

2014. Peningkatan sebanyak 64.9 peratus ini menunjukkan keupayaan rakyat Malaysia dalam membudayakan inovasi kian menggalakkan.

10. Pada malam ini kita turut menyampaikan **Anugerah Saintis Muda Negara** dan **Anugerah Juruteknologi Negara** sebagai mengiktiraf sumbangan dan pencapaian mereka dalam memajukan penyelidikan sains, teknologi dan inovasi Malaysia.

11. Untuk makluman Yang Amat Berhormat Tan Sri dan hadirin sekalian, pada tahun 2014, saintis Malaysia juga telah memenangi beberapa anugerah di peringkat ASEAN. Antaranya **ASEAN Young Scientist and Technologist Award** yang telah dimenangi oleh **Prof. Madya Ir. Dr. Sharifah Rafidah Datu Wan Alwi** dari **Universiti Teknologi Malaysia** dan **ASEAN Outstanding Scientist and Technologist Award** yang dimenangi oleh **Prof. Dr. Harith Ahmad** dari **Universiti Malaya**.

12. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pemenang anugerah yang bakal diumumkan sebentar lagi dan kepada yang tidak berjaya, saya ucapkan tahniah juga dan cuba lagi pada tahun hadapan. Ucapan terima kasih juga kepada para juri, pempamer serta semua pihak atas sokongan dan kerjasama khususnya bagi menjayakan Majlis AIN pada malam ini dan juga NICE

2015 sepanjang tiga hari ini. Penghargaan khas kepada **Smart Tech Crew**, iaitu kumpulan pegawai-pegawai muda MOSTI dan Agensi yang menjadi tulang belakang menyelaras penganjuran NICE dan AIN 2015.

13. Mengakhiri ucapan ringkas, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang akan menyempurnakan penyampaian Anugerah pada malam ini.

Sekian, terima kasih.